

 Our website will not be available on 26 January from 8.30pm to 10.30pm due to system maintenance. We apologise for any inconvenience caused.

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

[Home](#) > [Berita Harian](#) > [14 July 1963](#) > [Page 6](#) > KELEBEHAN DAN KEKURANGAN RANCHANGAN2 MELAYU TV SPURA

## KELEBEHAN DAN KEKURANGAN RANCHANGAN2 MELAYU TV SPURA

Berita Harian, 14 July 1963, Page 6

Article also available on Microfilm Reel NL3203

★ Add to Citation

 [Previous Article](#)[Next Article](#)  [Previous Page](#)[Next Page](#) 

# KELEBEHAN DAN KEKURANGAN RANCHANGAN2 MELAYU

## TV S'PURA

Oleh

### PANORAMA

TALIVISHEN ada-lah satu2nya alat perhubungan, hiboran dan penerangan yang baharu pertama kali-nya di-perkenalkan kepada ra'ayat Singapura pada pertengahan bulan Februari yang lalu. Kesan-nya memanglah terasa sa-kali, tetapi apa-kah sa-jauh ini alat itu sudah dapat menunaikan fongsi-nya terhadap masharakat berbilang bangsa di-Singapura?

Pada perengkat awal ini, di-pandang sa-chara menyeluroh, boleh di-katakan tugas itu sudah mulai di-isi. TV Singapura dalam beberapa ranchangan-nya telah menchapai kejayaan-nya. Proses kemajuan ini sedang di-perhebat. Walau pun bagitu maseh

#### Information ^



Newspaper:  
Berita Harian

Date:  
14 July 1963

Reel Number:  
NL3203

Share

#### Table of Contents ^

< Previous | [Page 6](#) | Next >

### Mengapa banyak yang terlepas dari jaring DUA ZAMAN?

Mengapa banyak yang terlepas dari jaring DUA ZAMAN?  
18 CHERPEN DARI SEMBILAN ORANG

### KELEBEHAN DAN KEKURANGAN RANCHANGAN2 MELAYU TV SPURA

KELEBEHAN DAN KEKURANGAN RANCHANGAN2 MELAYU TV SPURA Oleh PANORAMA ada-lah satu2-

### Mahasiswa di-pinggir

[View Full Table of Contents >](#)

ada beberapa ranchangan yang belum memberikan kepuasan, sa-timpal dengan kehendak selera ra'ayatnya. Sungutan2 pernah juga saya dengar tentang sadikit ranchangan2 Melayu dalam siaran itu.

Tetapi kalau-lah di-teliti, biar pun ranchangan2 Melayu itu sadikit, sa-ku-rang2-nya ia telah men-chapai kejayaan yang be-sar juga bila di-bandin-kan dengan ranchangan2 bukan Melayu.

Bahagian Melayu - nya mithal-nya telah menge-mukakan beberapa ran-changan Melayu yang me-narek saperti drama2 AWAL DAN MIRA dan MALAM JAHANAM. Malah telah di-adakan juga ranchan-gan Kalong Senandong, Puisirama, Bangsawan Di-Udara dan Minah Manja.

## Galakan

Drama2 yang di-tayang-kan itu telah memperkenal-kan sa-diket sa-banyak ke-majuan drama Melayu mo-den kapada bangsa2 bukan Melayu. Penayangan juga memberikan galakan ka-pada badan2 drama Melayu supaya berusaha lebeh giat lagi dalam lapangan dra-ma.

Dalam ranchangan PUI-SIRAMA peminat2 sajak dan lagu2 Melaju all da-pat mendengar pembachaan sajak dengan susulan irin-gan lagu2 Melayu asli di-sampaikan oleh biduan dan

biduanita yang terkenal ke-rana suara-nya.

Dalam KALONG SENAN-DONG peminat2 Talivishen telah dapat mendengar rangkaian beberapa buah lagu di-sampaikan oleh pe-nyanyi2 sa-tempat sa-lama sa-tengah jam bergilir2. Ranchangan ini banyak mendapat peminat.

Ketiga2 ranchangan ini di-terbitkan oleh Inche Zain Mahmud, Pemangku Ketua Siaran Suara Singa-pura dan Ketua Bahagian Siaran Perdagangan Radio Singapura (bukan pekerja tetap dalam siaran TV Si-ngapura).

Manakala ranchangan MINAH MANJA yang mengkesahkan peristiwa di-sekitar sa-buah rumah-tangga 'Minah' dan keluarga-nya yang memakan kira2 sa-tengah jam, di-terbitkan oleh Puan Zaharah Za'ba Penyelia Bahagian Melayu Radio Singapura.

Meski pun baharu dua kali sahaja MINAH MANJA menemui peminat talivision sa-takat ini, namun ia sudah pun mendapat peminat yang bukan sadikit. sa-hingga ada pula yang mendesak supaya MINAH MANJA di-tayangkan sa-tiap minggu.

Ranchangan DENDANG RIA dalam bahagian Inggeris-nya yang di-terbitkan sa-minggu sa-kali oleh Vernon Marinis, juga telah mendapat peminat2 baharu. Di-dalam ranchangan ini peminat2 talivision dapat menyaksikan tarian, lawak jenaka, nyanyian dan permainan musik oleh bakat2 muda yang datang-nya dari

pelbagai bangsa.

Chuma di-sayangkan kebanyakkan penyanyi2 Melayu yang di-undang mengisi ranchangan DENDANG RIA itu lebeh sedia menyanyikan lagu2 Inggeris, sedangkan ranchangan itu sa-benar-nya di-tujukan untuk menggali bakat2 'seni' menyampaikan lagu2 sa-tempat.

Dalam ranchangan Melayu TV Singapura rasa-nya satu ranchangan ilmu pengetahuan maseh perlu di-adakan, lebeh2 lagi bila di-lihat bahawa dalam bahagian2 bukan Melayu ranchangan sa-demikian telah pun ada di-bawah nama RA'AYAT. Dalam ranchangan ini beberapa ilmu pengetahuan di-alerkan melalui sa-suatu temuramah.

## Hiboran

Dari keadaan-nya sekarang, banyak-nya ranchangan hiboran dari ilmu pengetahuan maha

perseorangan, maka kita sa-olah2 mendapat kesan bahawa peminat2 talivishen Melayu lebuh gemarkan hiboran sahaja, padahal hiboran perlu mendapat imbangan yang baik dengan ilmu pengetahuan juga untuk kecerdasan fikiran.

Khabar-nya ranchangan ini maseh belum di-adakan kerana tiada-nya pekerja2 yang sanggup mengelola-kannya. Tenaga yang ada tidak-lah sa-bagitu kuat. kerana terlalu sibok dengan ranchangan masing2.

Ranchangan RA'AYAT dalam bahagian2 bukan Melayu itu di-kelolakan oleh pengelola2 yang khas, ia-itu mereka yang benar2 berkebolehan untuk me-nyampaikan ilmu pengeta-huan melalui temu ramah dengan tokoh2 tertentu yang mengambil bahagian.

Kerana memandang penting-nya ada perseimba-ngan ranchangan2 hiboran dengan ranchangan ilmu pengetahuan ini, maka rasa-nya memang baik ka-lau pihak TV Singapura chuba mengadakan peng-ela tertentu yang mahir untuk menghidupkan ran-

changan RA'AYAT dalam bahagian Melayu-nya.

Bagitu juga rasa-nya yang harus di-lakukan da-lam bahagian warta berita Melayu TV Singapura itu. Kakitangan2 yang khusus-bukan sambilan—perlu di-usahakan supaya siaran warta berita-nya tidak akan tergendala, seperti yang pernah berlaku.

Pendek-nya apa yang te-lah terbukti ia-lah bahawa dalam masa hanya 6 bulan

ini TV Singapura, istimewa dalam bahagian Melayu-nya, telah memperlihatkan beberapa kejayaan di-sam-ping kekurangan yang perlu di-atasi. TV Singapura sadikit sa-banyak-nya telah dapat memenuhi fungsi-nya terhadap ma-sharakat.

Untuk peranan besar-nya di-masa depan sa-bagi alat perhubungan, pen-ranggan, hiboran dan pem-bimbingan masyarakat, TV Singapura perlu memerha-

mahan dan kekurangan kecil yang ada itu.



ZAHRAH

## Related Articles



No related article found.

